

# MCIS Zurich lancar LadyCare

## Produk perlindungan insurans kesihatan baru khusus untuk golongan wanita

Oleh Nor Liza Ahmad dan Rohaniza Idris

**M**CIS Zurich Insurance Bhd, melancarkan produk perlindungan insurans baru khusus untuk wanita iaitu MZ LadyCare, sebagai sebahagian usaha meningkatkan kesedaran mengenai perlindungan kesihatan di golongan terbabit.

Ketua Eksekutif MCIS Zurich, Md Adnan Md Zain, berkata MZ LadyCare menawarkan faedah perlindungan menyeluruh antaranya bagi penyakit kanser organ, Lupus Erythematosus Sistemik (SLE) dan pembedahan pembentukan semula muka akibat kemalangan.

Katanya, faedah lain ialah pemegang polisi boleh melakukan pemeriksaan berkala setiap tiga tahun.

"Produk perlindungan insurans hayat terbaru syarikat itu kini boleh

**“**MZ LadyCare tawarkan faedah perlindungan menyeluruh antaranya bagi penyakit kanser organ, SLE”

**Md Adnan Md Zain**  
Ketua Eksekutif MCIS Zurich

diperoleh di 28 cawangan MCIS Zurich di seluruh negara," katanya selepas majlis pelancaran MZ LadyCare oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis berkenaan, MCIS Zurich turut melancarkan perkhidmatan perubatan secara online iaitu 'medonline' yang memberi peluang kepada pemegang polisi berkomunikasi dengan doktor mengenai penyakit atau maklumat mengenai kesihatan.

Md Adnan berkata, MZ LadyCare dijangka menarik kira-kira 10,000 pemegang polisi baru sepanjang tempoh 12 bulan ini dengan kutipan premium antara RM5 juta sehingga RM6 juta.

Katanya, sasaran itu dijangka dicapai berdasarkan kepada usaha pemasaran agresif menerusi rangkaian ejen sedia ada, selain kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"MCIS Zurich kini mempunyai kira-kira 400,000 pemegang polisi insurans hayat dengan jumlah kutipan premium RM400 juta," katanya.

MCIS Zurich adalah syarikat perlindungan insurans hayat dan am dengan mempunyai jumlah aset melebihi RM2.6 bilion dan kutipan premium kasar RM500 juta.

Sejajar pengembangannya, syarikat itu juga merancang memperke-



**ISTIMEWA UNTUK WANITA:** Shahrizat melancarkan produk baru MCIS Zurich, MZ LadyCare sambil diperhatikan Md Adnan (kiri) dan Pengerusi MCIS Zurich, Datuk P. Balam di Kuala Lumpur, semalam.

nalkan beberapa produk baru menjelang akhir tahun ini.

Mengenai rancangan penggabungan MCIS Zurich, Md Adnan berkata, ia masih dalam perancangan.

Katanya, apabila tiba masa dan memperoleh rakan yang sesuai, sya-

rikat bersedia mempertimbangkan sebarang penggabungan, iaitu sebagai sebahagian usaha pengembangan.

Bagaimanapun, beliau berkata, buat masa ini, syarikat tidak bercincang dengan mana-mana pihak.

"Seperti dirancang, ia dijangka dilaksanakan dalam tempoh dua tahun, mungkin tahun ini atau tahun depan," katanya sambil menambah ia mungkin membabitkan penggabungan dengan syarikat insurans tempatan.